



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI  
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

## SIARAN MEDIA

### SEMAKAN KEPUTUSAN PERMOHONAN KEMASUKAN PELAJAR KE PROGRAM IJAZAH SARJANA MUDA POLITEKNIK BAGI SESI AKADEMIK I : 2025/2026

Sukacita dimaklumkan bahawa keputusan permohonan kemasukan pelajar Sesi Akademik I: 2025/2026 ke Program Ijazah Sarjana Muda (ISM) Politeknik boleh disemak mulai **29 Ogos 2025 (Jumaat), jam 12.00 tengah hari** melalui pautan rasmi: <https://ambilan.mypolycc.edu.my>

Bagi sesi ini, sebanyak **1,444 permohonan** telah diterima daripada pelbagai kategori kelayakan termasuk lulusan Diploma Politeknik, lulusan Diploma Kolej Komuniti, lulusan Diploma IPTA/IPTS, lulusan Program Matrikulasi, lulusan Asasi Universiti Awam, lulusan STPM dan lulusan STAM.

Daripada jumlah tersebut, **seramai 612 calon telah berjaya ditawarkan** tempat ke program Ijazah Sarjana Muda Politeknik. Agihan tawaran pelajar dibuat merangkumi empat (4) Politeknik:

- Politeknik Ungku Omar, Ipoh, Perak
- Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam, Selangor
- Politeknik Ibrahim Sultan, Pasir Gudang, Johor
- Politeknik Sultan Azlan Shah, Behrang, Perak

Calon yang berjaya perlu melaksanakan proses pengesahan setuju terima tawaran mulai **29 Ogos 2025 jam 12.00 tengah hari hingga 7 September 2025 jam 5.00 petang** di pautan yang sama. Surat tawaran rasmi hanya boleh dicetak selepas calon membuat pengesahan.

Manakala, bagi calon yang tidak berjaya mendapat tawaran pula boleh mengemukakan rayuan dan akan dipertimbangkan semula dalam sesi rayuan dan penempatan berikutnya. Tiada permohonan baharu diperlukan, kerana maklumat calon sedia ada akan diproses secara automatik. Proses rayuan boleh dikemukakan mulai **29 Ogos 2025 jam 12.00 tengah hari hingga 7 September 2025 jam 5.00 petang**. Semakan keputusan rayuan boleh disemak bermula **11 September 2025 jam 5.00 petang**.

Sebarang pertanyaan berkenaan dengan permohonan boleh dimajukan secara terus ke alamat berikut:-

**BAHAGIAN AMBILAN DAN PEMBANGUNAN PELAJAR,  
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI,  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI,  
ARAS 6, GALERIA PjH, JALAN P4W,  
PERSIARAN PERDANA,  
62100 PUTRAJAYA,  
WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA.**

|                     |                                                                                          |
|---------------------|------------------------------------------------------------------------------------------|
| <b>No. Tel</b>      | <b>: 03 - 8888 3837</b>                                                                  |
| <b>No. Whatsapp</b> | <b>: 03 - 8888 5625</b>                                                                  |
| <b>E-mel</b>        | <b>: <u><a href="mailto:jppkk.ambilan@mohe.gov.my">jppkk.ambilan@mohe.gov.my</a></u></b> |
| <b>Facebook</b>     | <b>: polycc.edu</b>                                                                      |
| <b>Instagram</b>    | <b>: polycc.edu</b>                                                                      |

**-TAMAT-**

**JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI  
29 Ogos 2025**